



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### **KPN MEMPERUNTUKKAN RM3.2 JUTA BAGI KESELAMATAN DAN KETAHANAN KOMUNITI DI BAWAH INISIATIF PEMERKASAAN RUKUN TETANGGA SEBAGAI PENGGERAK KOMUNITI PROGRESIF**

**PUTRAJAYA, 19 Julai 2024** – Sebanyak RM3.2 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) tahun ini bagi **memperkukuh keselamatan dan ketahanan komuniti** di bawah Inisiatif Pemeraksanaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif.

Perkara tersebut telah diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Majlis perasmian Program Keselamatan Kejiranan dan Jom Ronda Skim Ronda Sukarela (SRS) Bersepadu Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) P14H, Presint 14, hari ini.

Peruntukan khas tersebut meliputi RM837,500.00 bagi pembekalan dan penggantian fasiliti keselamatan SRS yang dijangka akan memberi manfaat kepada 119 buah KRT, RM2,175,000.00 bagi pembekalan 69 buah kabin SRS baharu dan RM231,692.00 bagi pembaikan kabin sedia ada di kawasan SRS. Melalui pemeraksanaan SRS, KPN mensasarkan agar kekerapan aktiviti kawalan dan rondaan SRS terutama dalam kalangan golongan muda akan dapat dipertingkatkan.

Sehingga Jun 2024, sebanyak 5,409 SRS telah ditubuhkan di seluruh negara dengan keanggotaan seramai hampir 100,000 orang. **Bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya pula, terdapat sebanyak 30 SRS dan 56 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah diwujudkan.**

YB Datuk Aaron berkata, “KPN melalui JPNIN telah merangka hala tuju baharu iaitu **Meremajakan SRS** bagi melonjakkan peranan SRS sebagai entiti yang penting di peringkat komuniti dalam memastikan kesejahteraan, keselamatan dan ketahanan komuniti. Antara inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan ialah meningkatkan keberkesanan SRS melalui penggunaan aplikasi teknologi moden dalam menjalankan tugas kawalan dan rondaan, menambahbaik kualiti peralatan SRS dan memupuk budaya kesukarelawanan dalam kalangan komuniti melalui aktiviti keselamatan kejiranan dengan **“Kempen 1 Keluarga 1 Anggota SRS”**.”

Tambah beliau lagi, Kerajaan menyediakan insentif **Skim Insurans Kemalangan Diri Berkelompok dengan kerjasama Syarikat Tune Protect Malaysia** sebagai penghargaan kepada khidmat bakti yang disumbangkan secara sukarela oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) Rukun Tetangga (RT) dan SRS.

Program pada hari ini diadakan sebagai salah satu usaha membantu Kerajaan memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian hidup dalam kawasan kejiranan berdasarkan kepada prinsip “**Keselamatan Komuniti Adalah Tanggungjawab Bersama**”. SRS telah diwujudkan pada 21 Februari 2024 untuk membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah dan gelaja di komuniti setempat.

**Kementerian Perpaduan Negara**

19 Julai 2024